


Memahami Penarafan QS World University Rankings by Subjects



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIJU MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : QS World University Rankings by Subjects menempatkan universiti terbaik dunia dalam bidang subjek individu, meliputi 51 subjek. Kedudukan tersebut bertujuan untuk membantu bakal pelajar mengenal pasti institusi terkemuka dunia dalam bidang pilihan mereka.

Setiap ranking di dalam subjek disusun menggunakan lima sumber. Dua sumber yang pertama ialah kaji selidik secara global oleh pihak QS terhadap ahli akademik (Academic Reputation) dan majikan (Employer Reputation), yang digunakan untuk menilai reputasi antarabangsa institusi dalam setiap subjek.

Seterusnya dua sumber lain yang menilai impak penyelidikan, iaitu berdasarkan sitasi penyelidikan setiap kertas (Research Citation Per Paper) dan Indeks-H (H-Index) dalam subjek yang berkaitan. Data ini diperolehi dari pangkalan data Scopus Elsevier yang merupakan pangkalan data sitasi paling komprehensif di dunia.

Bagi edisi 2022, sumber daripada rangkaian penye-

lidikan antarabangsa (International Research Network) telah diperkenalkan. Indeks IRN digunakan untuk mencerminkan keupayaan institusi dalam mempelbagaikan geografi rangkaian penyelidikan antarabangsa dengan mewujudkan perkongsian penyelidikan mampan dengan institusi pengajian tinggi lain.

Penarafan mengikut subjek ini menggunakan pemberat yang berbeza dalam setiap subjek. Jumlah kelayakan penerbitan (dalam tempoh 5 tahun) mengikut lima subjek utama di dalam QS WUR by Subject adalah Arts and Humanities (50); Engineering and Technology (300); Life Sciences and Medicine (800); Natural Sciences (500); Social Sciences and Management (150). Subjek-subjek ini telah dikelaskan mengikut All Science Journal Categories (ASJC).

Dengan melihat kepada kadar bilangan dan nilai purata H-index by subject semua institusi/universiti yang menyertai QS di seluruh dunia, UNIMAS masih belum mencapai kriteria minimum yang ditetapkan.

Audit Dalaman QMS ISO 9001:2015

Kota Samarahan : Pasukan Audit Dalaman UNIMAS bagi Sistem Pengurusan Maklumat (QMS) ISO 9001:2015 telah menjalankan sesi audit dalaman bermula 1-15 Julai 2022 di semua PTj yang dipersijilkan iaitu BPPs, PeTARY, PKP, PPs,



RIEC, Pejabat Audit Dalam dan Pejabat Bendahari.

Sebanyak 8 pasukan audit terdiri daripada 26 juruaudit dalaman yang dilantik telah menjalankan auditan tersebut. Sesi Audit Susulan pula telah berlangsung pada 18-21 Julai 2022.

Audit Dalaman pada kali ini adalah sebagai persediaan bagi urusan Audit Pensijilan Semula oleh pihak SIRIM yang dijangka akan dijalankan pada 19-21 September 2022 akan datang.

Mesyuarat JKPR & JK ISMS

Kota Samarahan : Dua mesyuarat utama yang melibatkan SQRC selaku Sekretariat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS dan Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) telah berlangsung masing-masing pada 3 dan 5 Ogos 2022.



Mesyuarat JKPR Bil.02/2022 telah dipengerusikan oleh YBhg Naib Canselor manakala Mesyuarat JK ISMS Bil.01/2022 dipengerusikan secara bersama oleh Pengarah CITDS dan Pengarah SQRC.

Antara lain agenda pada kali ini ialah pembentangan laporan prestasi pengurusan risiko PTj selain pemakluman Audit Dalaman ISMS yang dijadualkan pada 8-15 Ogos 2022 sebagai persediaan Audit Pensijilan Semula SIRIM pada 19-21 September 2022.

Penghantaran Data MyMoheS

Kota Samarahan : Penyaluran data Modul Staf, Modul R&D&C dan Maklumat Institusi dari Sistem UNIMAS SPeeD ke Sistem MyMoheS KPT telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada 25 Julai 2022 sebagaimana dikehendaki oleh Bahagian Perancangan Strategik KPT.


Proses penghantaran termasuk pembetulan data bagi *cut-off date* 30 Jun 2022 telah berjaya disempurnakan dengan kerjasama Sekretariat UNIMAS MyMoheS di bawah seliaan SQRC. Data yang dikemukakan akan digunakan sebagai data rasmi KPT.

Sorotan Liputan Ringkas

Kota Samarahan : Perbincangan SQRC bersama Pengarah, Pusat Pembangunan Pelajar, Prof Madya Dr Faisal Ali Anwarali Khan berkaitan strategi dan aturgerak berhubung penarafan QS *Graduate Employability Rankings* telah diadakan pada 15 Julai 2022. SQRC diwakili Penolong Pendaftar Kanan, Pn Dayang Mazina Awang Batu.



SQRC turut dijemput oleh pihak Pejabat Pembangunan untuk menyertai perbincangan bagi penyediaan pelaporan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) 2021-2025 Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2022. Perbincangan telah dijalankan pada 14 Julai 2022 lalu.



Majlis ringkas tanda kesyukuran Ulang Tahun Kelahiran staf SQRC yang lahir pada bulan Jun diadakan serentak dengan jamuan sempena Hari Raya Aidil Adha pada 12 Julai 2022 lalu. Majlis telah dihadiri semua staf SQRC.



Persiapan Bulan Kemerdekaan

Kota Samarahan: Sempena menyambut bulan kemerdekaan pada tahun ini, SQRC turut melakukan persiapan dengan menggantung bendera di ruang pejabat sebagai tanda patriotisme.



Pelaporan Suku Kedua OBB KPT

Kota Samarahan : UNIMAS melalui SQRC selaku Sekretariat OBB telah berhasil menyalurkan maklumat pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) KPT bagi suku kedua (April-Jun) 2022.

Maklumat berkenaan Kerangka Keberhasilan Program (PPMF) dan Kerangka Keberhasilan Aktiviti (APMF) telah dikunci masuk ke dalam Sistem MyResult pada 18 Julai 2022.

Dokumen pelaporan berkenaan turut disahkan dan ditandatangani oleh YBhg Naib Canselor selaku Ketua Aktiviti untuk pengesahan selanjutnya oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.

Perkara 10.3.1 Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 – Bajet Berasaskan Outcome (OBB) menetapkan agar pemantauan dan penilaian OBB dilaksanakan bagi mengukur tahap pencapaian sasaran prestasi dan menilai keberkesanan program dan aktiviti yang telah dikunci masuk dalam Sistem MyResults.


Antara pencapaian KPI pengurusan prestasi universiti yang perlu dilaporkan ialah berkaitan Graduan UA Yang Berdaya Saing, Inovatif dan Proaktif; Bakat Universiti Bertaraf Global serta Pengurusan Universiti Yang Berkesan.

Terima kasih diucapkan kepada PTj yang memberikan pelaporan.

Mesyuarat Pentadbiran SQRC

Kota Samarahan : tangan laporan aktiviti separuh tahun setiap Unit dan juga perancangan seterusnya bagi separuh tahun kedua. Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.01/2022 telah diadakan pada 28 Julai 2022 dipengerusikan oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarniji Masron.

Agenda utama mesyuarat antara lain ialah pemben-



Kalendar Aktiviti



Julai 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	SETARA 2022 - Document Audit	KPT Auditors Checks and Report	25/06-8/07/2022
2	Taklimat Data MyMoheS Modul Pelajar, R&D&D, Maklumat Institusi	Data Owner & System Developer	1/07/2022
3	Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS - Modul Pelajar, R&D&C, Maklumat Institusi	Cut-off date 30.6.2022	1-25/07/2022
4	Audit Dalaman QMS ISO 9001:2015	Internal Auditors	1-15/07/2022
5	SETARA 2022 - Field Audit	KPT Auditors Site Audit	18/07-12/08/2022
6	Audit Susulan QMS ISO 9001:2015	Internal Auditors	18-22/07/2022

Ogos 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JKPR	Bil.02/2022	3/08/2022
2	Taklimat Penarafan SETARA 2022	SQRC & Auditee	4/08/2022
3	Lawatan Kerja	Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko, UTeM	4/08/2022
4	Mesyuarat JK ISMS	Bil.01/2022	5/08/2022
5	SETARA 2022 - Field Audit	Audit Zon Borneo @ Swinburne	8-11/08/2025
6	Audit Dalaman ISMS ISO/IEC 27001:2013	Internal Auditors	8-15/08/2022
7	Audit Susulan ISMS ISO/IEC 27001:2013	Internal Auditors	15-19/08/2022